

Sidek: Semua jenis seni pertahan diri punya tujuan yang murni

23 SEP 1978 *puncak silat*

ANGGOTA Parlimen (Kolam Ayer), Encik Sidek Saniff, menegaskan bahawa semua jenis seni mempertahankan diri mempunyai kemurnian dalam tujuannya dan penyalahgunaan biasanya dilakukan secara individu.

Penyalahgunaan seni mempertahankan diri itu jarang melibatkan kumpulan, katanya.

Dia berkata demikian ketika berucap di majlis ulang-tahun kedua Persekutuan Silat Singapura, Persisi, di Hotel Ming Court, malam semalam.

Dia seterusnya menyatakan bahawa penyalahgunaan itu menjadi buruk sekiranya individu ini adalah dianggap 'ketua.'

"Dalam zaman purba moden ini ketua-tuaan ini kadangkala ternyata, sebagai 'ketuaan peribadi.'

Menyentuh tentang sebuah buku silat yang ditulis dalam bahasa Inggeris bertajuk 'Silat - Malay Art of Attack and Defend', Encik Sidek menjelaskan:

Tugas

"Tidak ada satu jenis seni mempertahankan diri itu bertujuan untuk menyerang."

"Dengan tajuknya saja ia sudah memberi pengertian yang salah, oleh itu adalah menjadi tugas persatuan seni silat kita

membetulkan kesilapan ini agar tidak berlaku salah tafsirannya."

Anggota Parlimen itu juga telah menyarankan agar guru-guru seni silat mengambil inisiatif mengkaji peraturan bagi mengadakan susunan yang sesuai sebelum se suatu pertandingan dilakukan dan tidaklah setakat menunjukkan demonstrasi saja.

Persekutuan ini juga, tambahnya, mempunyai tugas-tugas penting yang harus diselesaikan sama ada dalam jangkama sa panjang ataupun sebaliknya.

Antaranya ialah memupuk terus seni budaya silat ini bukan saja setakat untuk masyarakat Melayu tetapi juga diperluaskan kepada bukan Melayu.

Satu lagi tugas penting mereka ialah mencara sualkan segala bahan yang ada untuk dibukukan, supaya jangan sampai terdapat salah tafsiran dan pengertian yang sebenar, kata Encik Sidek.

Turut hadir di majlis makan malam itu ialah Anggota Parlimen (Kampung Kembangan), Encik Mansor Haji Sukaimi.

Badan silat

Asean: Kerumitan

mungkin timbul

- 2 OCT 1978

PEMBENTUKAN

sebuah persekutuan seni silat Asean mungkin tidak dapat dijalankan dengan secepat mungkin kerana timbul beberapa kerumitan teknikal mengenai pembentukannya.

Ini disebabkan Malaysia tidak mempunyai badan silat kebangsaan untuk menguruskan pembentukan mereka dan urusan ini mungkin akan diambil alih oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Badan-badan seni silat Kebangsaan Singapura dan Indonesia akan berusaha untuk menguruskan pembentukan ini dan membentuk jawatan kuasa masing-masing untuk rundingan pembentukan ini.

Tetapi difahamkan bahawa Malaysia akan diwakili oleh pegawai-pe gawai dari Kementerian itu untuk rundingan lanjut pembentukannya.

Oleh kerana penglibatan sebuah jabatan Pemerintah ini, kini timbul masalah penglibatan kerajaan dan pemerintah dalam pembentukan persekutuan silat yang diuraikan itu.

Bagi Singapura, pegawai-pe gawai dari Persekutuan Silat Singapura (Persisi) akan menyertai rundingan-rundingan ini dengan Indonesia pula dari pegawai-pe gawai Persekutuan Seni Silat Seluruh Indonesia.

Ketiga buah negara ini telah mencapai perse tujuan pada dasarnya untuk membentuk sebuah persekutuan seni silat untuk menjadi badan penye laras dalam perkembangan dan kemajuan silat di rantau ini.

- 2 OCT 1978

Adalah difahamkan, jika pembentukan ini berjaya, besar kemungkinan dua negara anggota Asean yang lain, Filipina dan Thailand, akan diundang sama menjadi anggota dalam persekutuan itu.

Ketiga buah negara itu telah bersetuju untuk pembentukan ini dalam rundingan mereka yang berlangsung di Jakarta dua bulan lalu ketika berlangsung Kejohanan Seni Silat Asean.

Walaupun demikian, pembentukan persekutuan ini hanya akan dijalankan dan dapat dilaksanakan selepas masing-masing negara menghantarkan saran-saran mereka untuk penggubalan undang-undang dan peraturan dan tugas-tugas yang akan dijalankan oleh persekutuan ini.

Ketika ini difahamkan bahawa Singapura telah pun melengkapkan undang-undang untuk persekutuan itu dan telah pun dihantarkan lakarannya kepada Indonesia.

Indonesia dijangka kan mengembalikan lakar ini dan menghantarkan sama lakar undang-undang dan peraturan mereka tidak lama lagi.

Tidak pula diketahui sama ada lakar undang-undang dan peraturan ini telah dihantar ke Malaysia ataupun sebaliknya.

Adalah diharapkan bahawa dengan pembentukan persekutuan ini nanti, perkembangan seni silat dirantau ini dapat diselaraskan dan terdapat sistem pengajaran yang lebih baik lagi.